

Matlamat Nur Thara untuk mendapat ijazah kelas satu tercapai

UB 24.10.2012 B11

Oleh SURAIDAH ROSLAN

hadieyda18@yahoo.com

KOTA KINABALU: Menjadikan kejayaan abangnya yang mendapat ijazah kelas satu beberapa tahun lalu sebagai sumber inspirasi, Nur Thara Atikah Zainal meletakkan impian yang sama iaitu memperoleh ijazah kelas satu semasa tamat pengajian.

Nur Thara, 23, yang memperoleh Anugerah Pelajaran Diraja bagi kategori bumiputera dan Ijazah Kelas Satu bagi Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dengan Kepujian (Pemasaran) berkata, semuanya bermula dengan usaha dan matlamat yang dia sendiri letakkan sejak mula iaitu sebelum dia masuk ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) lagi.

“Saya ingat lagi selepas tamat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di SM La Salle, saya menyimpan impian untuk mendapat ijazah kelas satu apabila saya melanjutkan pengajian kelak.

“Oleh itu, semasa menjejaskan kaki ke UMS, saya mula menyimpan matlamat untuk menjadi orang pertama yang akan mengambil ijazah, iaitu ijazah kelas satu bagi program yang saya ambil iaitu pemasaran.

“Apabila matlamat itu tercapai, saya sangat berbangga dan berterima kasih dengan sokongan serta dorongan daripada kedua ibu bapa, abang dan tunang saya.

“Tanpa sokongan mereka semua, kejayaan yang saya peroleh hari ini mungkin tidak akan tercapai,” katanya ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen UMS ke-14 sidang keenam, kelmarin.



NUR THARA ATIKAH

Menurutnya, semasa berada di tahun pertama semester kedua, dia gagal mendapat lulus dekan. Namun, selepas itu dia mula menumpukan perhatian kepada pelajaran bagi memastikan dia berjaya mencapai matlamatnya untuk bergelar graduan kelas satu.

Nur Thara yang kini sedang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) di UMS berkata, dia sendiri tidak menyangka akan dapat Anugerah Pelajaran Diraja kerana matlamatnya adalah untuk mendapat ijazah kelas satu.

Namun, dia tetap bersyukur dengan anugerah yang diterima itu kerana segala usahanya selama tiga tahun membuahkan hasil.

Tambahnya, anugerah itu diberikan

kepada pelajar yang berjaya dalam bidang akademik dan aktiviti kemahasiswaan.

Bagi dirinya sendiri, dia pernah mewakili UMS dalam Bicara Negarawan bersama Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 2010.

“Saya juga banyak melibatkan diri dalam kelab pemasaran dan kesukanan di peringkat universiti dan peringkat sekolah pengajian,” katanya.

Nur Thara berkata, dia pernah bercita-cita untuk menjadi doktor namun ia tidak kesampaian kerana selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam aliran sains tulen, dia mengambil langkah untuk menukar bidang pengajian semasa berada di tingkatan enam.

Semasa tamat SPM, dia mendapat tawaran melanjutkan pengajian di matrikulasi dalam bidang sains namun, kerana minatnya dalam bidang pemasaran, dia menolak tawaran berkenaan.

Anakbongsu daritiga beradik ini berkata, minatnya dalam bidang pemasaran adalah kerana mengikut jejak ibunya.

Kini dia berhasrat untuk menjadi pensyarah dan berharap hasrat itu akan dapat dicapai dengan usaha gigihnya selama ini.

Dia juga menasihatkan kepada pelajar muda yang ingin bergelar graduan kelas satu supaya meletakkan matlamat mereka sejak berada di tahun satu.

Nur Thara adalah antara 729 orang graduan yang menerima ijazah bagi sidang keenam. Manakala, seramai 1,466 graduan menerima ijazah pada sidang kelima dan keenam semasa Majlis Konvokesyen UMS ke-14 yang diadakan kelmarin.